

Faktor Kepimpinan dan Gender dalam Penglibatan Politik Wanita di Malaysia (1980-2013)

Leadership and Gender Factors in Women's Political Participation in Malaysia (1980-2013)

NOR RAFIDAH SAIDON, SITY DAUD & MOHD SAMSUDIN

ABSTRAK

Wanita hari ini adalah merupakan aset penting bagi masyarakat dan negara. Mereka bukan sahaja mampu untuk memimpin negeri, malah mampu memimpin negara dengan baik; penglibatan wanita dalam badan-badan pentadbiran di peringkat kebangsaan dan juga tempatan boleh membawa perubahan kepada dasar-dasar dan undang-undang yang memfokuskan kepada wanita, kanak-kanak dan keluarga. Walau bagaimanapun, kaum wanita masih jauh ketinggalan berbanding kaum lelaki terutamanya dalam kepimpinan politik Malaysia. Kajian ini membincangkan mengenai faktor-faktor hubungkait kepimpinan dan gender mempengaruhi penglibatan politik wanita di Malaysia tahun 1980-2013. Tujuan kajian ini ialah untuk meneliti faktor-faktor kepimpinan dan gender dalam penglibatan politik wanita. Kaedah penyelidikan yang digunakan ialah kaedah kualitatif melalui pemerhatian dan temubual bersama beberapa orang responden yang terpilih dalam kalangan bekas menteri kabinet atau pun ahli kabinet, sarjana yang pernah membuat kajian tentang gender dan juga ahli parlimen. Selain itu, penyelidik juga memperolehi data sekunder yang berkaitan dengan kajian ini. Data-data dan jadual yang diperolehi dari sumber yang diyakini, kemudiannya dianalisis secara kualitatif. Kerangka konsep yang digunakan dalam kajian ini ialah teori kepimpinan dan konsep gender. Hasil kajian mendapati wanita pada hari ini, lebih bersedia dan mempunyai kesedaran yang tinggi dalam politik serta peranan mereka sebagai pengimbang dalam pembuatan keputusan. Oleh itu, penglibatan wanita dalam politik amat penting kerana mampu merubah masa depan dan pandangan masyarakat terhadap wanita serta peranan mereka dalam membuat keputusan.

Kata Kunci: Kepimpinan; gender; penglibatan; politik; wanita

ABSTRACT

Women today are important asset to the society and country. They are not only capable of leading the states, but are also able to lead the country; the participation of women in administrative bodies at national and local levels could bring changes to policies and laws that focus on women, children and families. However, women are still lagging behind men in political leadership, especially in Malaysia. This study relates leadership and gender factors in political participation of women in Malaysia in 1980-2013. The aim of this study was to examine the factors of leadership and gender in women's political participation. The research method used was a qualitative method through observation and interviews with some respondents selected among former cabinet ministers, scholars who have researched on gender and also a member of parliament. In addition, the researchers also obtained secondary data related to this study. The data and tables obtained from reliable sources were then analyzed qualitatively. The conceptual framework used in this study was the leadership theory supported by the concept of gender. The study found that Malaysian women today are better prepared and have a high political awareness and their role as a counterweight in decision making. Therefore, the participation of women in politics is important because it can change the future and society's view of women and their role in decision-making.

Keywords: Leadership; gender; participation; politics; women

PENGENALAN

Artikel ini meninjau hubungkait kepimpinan dan gender dalam penglibatan politik wanita di Malaysia bagi tahun 1980-2013. Tinjauan ini juga menelusuri sejauh mana jantina mempengaruhi penglibatan politik wanita di Malaysia. Tranformasi penglibatan wanita dalam politik dapat dilihat dalam pelbagai dimensi. Tinjauan ini juga melihat perubahan secara mendasar pada akar umbi politik wanita iaitu di peringkat bawahan dan perubahan keanggotaan dalam parti.

Selain itu, tinjauan ini memperlihatkan wujudnya sebuah parti yang diterajui oleh seorang wanita iaitu Wan Azizah. Beliau merupakan isteri kepada mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia iaitu Anwar Ibrahim. Perubahan dan tranformasi penglibatan politik wanita di Malaysia dilihat semakin ketara berbanding dekad sebelum ini. Terdahulu wanita sering dianggap sebagai kumpulan sokongan dan peraih undi bagi sesebuah parti tapi pada hari ini wanita dilihat memainkan peranan penting dalam pembangunan parti dan negara.

Andaian kajian ini ialah wanita pada hari ini lebih bersedia dan mempunyai kesedaran politik yang tinggi serta penting sebagai pengimbang dalam pembuatan keputusan. Oleh itu, penglibatan wanita dalam politik amat penting kerana ia mampu merubah masa depan dan pandangan masyarakat terhadap wanita serta peranan mereka dalam membuat keputusan.

Representasi politik adalah sebahagian daripada penglibatan dan keperluan proses pemerksaan wanita terutamanya bagi tahap kesedaran, mobilisasi dan partisipasi. Kewujudan representasi politik ini akan mempercepat proses pemerksaan wanita dengan kewujudan pelbagai aktor yang mewakili wanita dan aspek yang berkepentingan untuk wanita. Banyak kajian menunjukkan bahawa kaum wanita sebenarnya memainkan peranan yang penting dalam aktiviti politik dan kepimpinan. Malah kepimpinan juga tidak dipengaruhi oleh gender. Oleh itu, penglibatan serta penyertaan wanita dalam bidang ini tidak boleh dinafikan lagi, begitu juga dari sudut kemampuan untuk memimpin, kesedaran politik yang tinggi dan persediaan yang mencukupi.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini berusaha untuk meneliti faktor hubungkait kepimpinan dan gender dalam penglibatan politik wanita di Malaysia bagi tahun 1980 hingga 2013. Tempoh ini dipilih untuk menunjukkan perubahan dan kesan daripada dasar-dasar kerajaan untuk kaum wanita di Malaysia. Peningkatan penyertaan dan penglibatan wanita dalam politik Malaysia sejak kemerdekaan sememangnya semakin ketara. Wujud pertambahan perwakilan wanita dalam politik. Namun begitu, kaum wanita masih lagi berada di pinggiran sebagai pembuat keputusan.

TEORI DAN KONSEP

KEPIMPINAN

Terdapat pelbagai teori yang menunjukkan kedudukan wanita telah bertambah baik hasil daripada modenisasi dan industrialisasi. Shorter (1976) mengatakan kedua-dua proses ini telah membebaskan wanita daripada sistem patriaki (Bradley 1992). Ini berbeza dengan pandangan dari Ehrenrich dan English (1979) yang mengatakan bahawa modenisasi adalah berfaedah bagi wanita kerana ia membebaskan wanita daripada sistem patriaki tetapi pada masa yang sama menjadikan kedudukan wanita semakin rendah, menyebabkan mereka tunduk kepada kaum lelaki (Bradley 1992). Malah pembangunan yang menggalakkan wanita untuk turut terlibat sebenarnya lebih menyebabkan mereka terperangkap menjadi subordinat kepada kaum lelaki (Hanapiah 1995).

Oleh yang demikian, sering kali kepimpinan dinilai melalui gaya kepimpinan lelaki. Wanita juga sering dianggap lemah dan kurang sesuai untuk menjadi seorang pemimpin. Walhal kepimpinan adalah tidak dipengaruhi oleh gender, sebaliknya hanya gaya kepimpinan sahaja yang dipengaruhi oleh gender. Namun menurut De Pablos & Tennyson (2017: 293)

“.... global leadership competences should cover context-specific knowledge and skills related to the global leader's roles and comprehensive features of global leadership”.

Sementara itu, menurut Ragins (1991), pemimpin lelaki dan wanita dinilai oleh orang bawahan tidak berdasarkan jantina tetapi berdasarkan kuasa mereka. Jika dibandingkan kepimpinan lelaki dan wanita, lelaki dilihat lebih agresif, bercita-cita tinggi, berdaya saing dan mampu memenuhi kehendak pelanggan sedangkan kaum wanita dilihat lebih kepada seseorang yang penuh kasih sayang, lemah lembut, dan lebih mesra serta lebih sesuai menjadi pengikut. Sepertimana pandangan Underdahl, Walker dan Woehr (2014: 1140) iaitu

“...there is a nonsignificant gender difference in leadership effectiveness”.

Kajian-kajian yang dijalankan berkaitan jantina dan kepimpinan kebiasaannya menjadikan gaya dan kepimpinan lelaki sebagai piawai dalam kepimpinan (Chliwniak 1997). Belum ada kepimpinan wanita yang dikaji dijadikan piawai dalam bidang kepimpinan. Lelaki lebih dikenali sebagai pemimpin yang berkesan dan wanita kebiasaannya memanfaatkan gaya dan kelakuan kepimpinan lelaki dalam pentadbirannya. Walau bagaimanapun, semakin wanita berkuasa sebagai pemimpin, prejudis kepada golongan wanita akan bertambah hebat (Eagly, Makhinjani & Klonsky 1992).

Dalam kajian Brunner dan Schumaker (1998) pula menyatakan lelaki lebih gemar menggunakan kuasanya untuk mencapai perkara atau matlamat, daripada menggunakan jawatannya, sebagai contoh konsep ‘power over’ jika dibandingkan dengan ciri wanita yang berkonsep ‘power with’.

Sebagaimana menurut Aminudin & Mohd Ali (1998) kesahan politik wanita boleh dicapai sekiranya mereka mempunyai kedudukan yang berautoriti iaitu sah di sisi undang-undang dan mesti diterima oleh semua pihak. Autoriti perundangan atau autoriti legal-rasional menurut Weber sangat bergantung kepada keabsahan terhadap pola dan aturan-aturan normatif dan hak bagi mereka yang memperolehi autoriti ini diikat oleh garis panduan yang tidak diasaskan oleh perasaan peribadi dan ia hanya boleh diamalkan oleh individu atau kumpulan yang menduduki atau memegang sesuatu jawatan. Autoriti jenis ini adalah asas bagi setiap individu yang dilantik menjadi pemimpin secara konstitusi. Autoriti ini bukan abstrak tetapi suatu objektif secara sah.

Gender merujuk kepada konstruksi sosial terhadap perempuan dan lelaki. Ia merujuk kepada apa yang telah disampaikan oleh masyarakat kepada perempuan dan lelaki daripada kumpulan sosial yang berlainan mengenai peranan dan tanggungjawab mereka. Jantina pula merujuk kepada perbezaan biologi antara perempuan dan lelaki. Jantina adalah sesuatu yang tetap dan tidak berubah merentasi masa, negara, dan budaya. Oleh itu, gender adalah bukan jantina. Jantina (*sex*) adalah satu definisi biologi seseorang manusia. Jantina seseorang manusia pada umumnya dikategorikan sebagai lelaki ataupun wanita. Sebaik sahaja seseorang bayi lahir, ia akan dilabel sebagai lelaki atau perempuan berasaskan anggota fizikalnya. Apabila bayi itu dilabel sebagai lelaki atau perempuan, maka bermulalah konstruksi sosial tentang peranan serta perwatakan yang dianggap sesuai dimiliki bayi tersebut. Konstruksi sosial inilah yang dikenali sebagai gender. Secara ilmiah gender adalah satu konstruksi atau pembinaan sosial mengenai peranan di antara kaum lelaki

Ketidakseimbangan representasi politik formal dari sudut pandangan gender ini telah menyebabkan kedudukan wanita di seluruh dunia umumnya masih terpinggir dan menjadi golongan minoriti global walaupun mempunyai jumlah populasi yang setara dengan kaum lelaki (Philips 1998; Rashila 1999). Secara keseluruhannya, tahap representasi politik formal wanita adalah rendah dan tidak mencapai kuota 30 peratus seperti yang telah dipersetujui oleh pelbagai aktor terutamanya kerajaan negara-negara anggota PBB. Kekurangan bilangan wanita di peringkat pembuatan keputusan atau kepimpinan memberi gambaran terdapat ketaksamaan gender dalam politik di Malaysia (Rashila & Saliha 2010).

Konsep gender dalam kajian ini menunjukkan konstruksi sosial telah membentuk pemikiran masyarakat Malaysia umumnya mengenai perbezaan peranan dan kedudukan seorang wanita dengan seorang lelaki. Konstruksi sosial dipengaruhi oleh budaya, adat, nilai-nilai timur dan agama sesuatu bangsa yang kebiasaannya membezakan peranan mengikut jantina. Gender sebenarnya tidak mempengaruhi kepimpinan wanita sebaliknya hanya gaya kepimpinan sahaja yang boleh berubah mengikut keserasian pemimpin untuk memilih gaya kepimpinan yang ingin mereka tonjolkan.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian yang penyelidik gunakan ialah berasaskan kaedah dalam metodologi sains politik iaitu rekabentuk penyelidikan kualitatif. Dalam penulisan kajian ini penyelidik menggunakan dua kaedah pengumpulan data primer iaitu pemerhatian dan temubual. Temubual dijalankan secara *'purposive'* di mana calon-calon temubual yang terpilih mengikut kriteria yang ditetapkan. Hasil temubual merupakan data primer yang memperlihatkan perbezaan kemampuan serta kepimpinan di antara mereka dan pandangan mereka terhadap isu, halangan dan cabaran wanita dalam penglibatan politik. Beberapa orang responden terpilih dari kalangan ahli akademik, tokoh-tokoh politik dari parti-parti Barisan Nasional (BN) dan juga parti-parti dari Pakatan Rakyat (PR). Responden yang telah ditemu bual ialah:

Mantan menteri ataupun menteri kabinet terdiri daripada:

1. Tun Mahathir Mohammad, mantan Perdana Menteri Malaysia
2. Tan Sri Sanusi Junid, mantan Menteri Besar Kedah
3. Tan Sri Rafidah Aziz, mantan Menteri Industri dan Perdagangan Antarabangsa
4. Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil, mantan Menteri Wanita, Pembangunan dan Masyarakat
5. Datuk Noraini Ahmad, mantan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Pengerusi MITI, ahli Parlimen Parit Sulong
6. Tan Sri Zaleha Ismail, mantan Menteri Wanita dan Kebajikan
7. Tan Sri Dato' Sri Ng Yen Yen, mantan Menteri Perlancongan, mantan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
8. Dato' Seri Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri
9. Datuk Rosnah Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya, ahli Parlimen Sandakan
10. Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Selain itu, tokoh-tokoh lain yang turut ditemu bual terdiri daripada:

11. Datin Seri Wan Azizah, Presiden Parti KeAdilan Malaysia, ahli Parlimen Permatang Pauh dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kajang
12. YB Teresa Kok, ahli Parlimen Seputeh dan tokoh politik Democratic Action Party (DAP)
13. YB Dr Halimah, ahli Parlimen Klang, Exco Pendidikan Selangor dan tokoh politik Parti Islam Se-Malaysia (PAS)
14. Datin Jaya Parthiban, Bekas Ketua Wanita Malaysia Indian Congress (MIC)

Selain tokoh-tokoh ini, juga ahli akademik yang pernah membuat kajian tentang gender, wanita dan dasar-dasar yang telah ditemu bual:

15. Prof Emeritus Dato' Dr. Nik Safiah Karim, Karyawan Tamu Universiti Malaya

Temubual ini telah membolehkan pengumpulan data primer yang diperlukan terutamanya mengenai pengalaman, pendapat dan fakta-fakta penting bagi menjawab persoalan kajian. Temubual telah direkodkan dan transkripsi temubual dihasilkan melalui salinan *verbatim* maklumat temubual. Hasil daripada keterangan responden, tema atau faktor dibina bagi mempamerkan dapatan hasil perolehan daripada transkrip temubual kesemua responden kajian. Analisa menerusi semua data transkripsi dibuat dengan menganalisis kekerapan dan persamaan pandangan yang dinyatakan oleh responden yang kemudiannya membantu pembentukan tema atau faktor dihasilkan. Hasil dari pengkodan, jadual kompilasi kekerapan faktor dibentuk bagi menunjukkan kekuatan, kelemahan dan kesederhanaan tema atau faktor yang mempengaruhi objektif kajian ini iaitu penglibatan politik wanita, hubungkait kepimpinan dan gender serta halangan yang dihadapi oleh wanita dalam penglibatan politik tahun 1980-2013.


Kajian ini memerlukan banyak pengumpulan data sekunder bagi mendapatkan latar belakang dan perbincangan yang mendalam mengenai setiap aspek yang berkaitan dengan kajian ini. Penyelidik mengumpulkan data sekunder daripada bahan kajian lepas berbentuk artikel, makalah jurnal, kertas kerja dan laporan yang berkaitan dengan tajuk dan tujuan kajian ini dijalankan. Selain itu, penyelidik juga mengumpulkan maklumat-maklumat dari buku-buku, statistik serta data

kuantitatif dari sumber-sumber yang diyakini seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Jabatan Perangkaan dan lain-lain lagi, tesis-tesis dan kajian lepas sebagai rujukan untuk mendapatkan teori-teori dan konsep-konsep yang diperlukan dalam kajian ini.

HUBUNGKAIT FAKTOR KEPIMPINAN DAN GENDER DALAM PENGLIBATAN POLITIK WANITA

Wanita kini, telah banyak menceburi bidang-bidang profesional dan perkembangan wanita memegang jawatan-jawatan tinggi di peringkat pentadbiran semakin meningkat setahun demi setahun. Malah jumlah wanita yang masuk ke peringkat pendidikan tinggi di universiti juga semakin meningkat berbanding lelaki. Secara tidak langsung jurang antara jantina iaitu lelaki dan wanita dapat dikurangkan hampir setiap tahun.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi hubungkait antara kepimpinan dan gender tahun 1980-2013 yang terdiri daripada lapan faktor yang mempengaruhi kepimpinan dan gender iaitu budaya patriaki, diskriminasi, persepsi, agama, ekonomi, pendidikan, sosialisasi dan persekitaran. Kelapan-lapan faktor ini telah memperlihatkan mengapa wanita kurang mendapat sokongan oleh masyarakat untuk terlibat aktif dalam politik. Di Malaysia, khususnya wanita Melayu dan wanita India telah dibelenggu oleh budaya patriaki sebagai asas dalam pentadbiran dan urusan kehidupan mereka. Faktor yang sangat kuat mempengaruhi hubungkait antara kepimpinan dan gender ialah budaya patriaki, diskriminasi, persepsi, agama, pendidikan dan sosialisasi. Sementara itu, ekonomi dan faktor persekitaran iaitu bahasa politik memberi pengaruh yang kuat dalam hubungkait kepimpinan dan gender, manakala faktor persekitaran iaitu pengaruh wanita dan moral hanya mempengaruhi sebahagian sahaja dalam kepimpinan wanita.



RAJAH 1. Hubungkait antara Kepimpinan dan Gender dalam Penglibatan Politik Wanita di Malaysia
 Sumber: Diubahsuai dari Rashila (1998; 1999) dan Noraisah (2012)

Faktor pertama yang mempengaruhi hubungkait antara kepimpinan dan gender ialah budaya patriaki. Patriaki mendakwa bahawa atas dasar jantina semata-mata, wanita adalah *inferior* daripada lelaki, dengan keyakinan sedemikian patriaki mendefinisikan wanita sebagai lemah dan kurang penting dalam pelbagai aspek. Antaranya ialah ruang wanita yang dibataskan kepada domain peribadi berbanding lelaki yang ruangnya ialah domain awam; peranan wanita dihadkan sebagai suri rumah tangga yang mengasuh anak, berbakti kepada suami serta menjaga kebajikan keluarga

yakni peranan domestik berbanding lelaki yang peranannya ialah sebagai ketua keluarga yang turut berfungsi di dunia luar melewati batas domestik. Sebagaimana menurut kajian Gilmore (1990: 11)

“Cultures construct an appropriate manhood - the presentation or ‘imaging’ of the male role”

Kemampuan wanita dikatakan jauh lebih rendah berbanding lelaki sama ada dari segi fizikal, mental atau intelektual dan sebagainya. Dakwaan seperti wanita itu lemah, tidak sepintar lelaki, emosional

berbanding lelaki yang dikatakan objektif, perlu diperuntukkan di ruang domestik sahaja tanpa berfungsi di ruang awam dan sebagainya itu adalah *gender* yakni sifat dan perilaku yang bukan semula jadi tetapi ditentukan oleh masyarakat. Justeru itu kepimpinan tidak dipengaruhi gender kerana sifat kepimpinan boleh dipelajari sama ada melalui latihan, pengalaman, pelajaran atau secara semula jadi. Hanya gaya kepimpinan sahaja yang boleh dipengaruhi oleh gender. Contoh pendekatan kepimpinan wanita lebih dilihat seperti *power with* berbanding lelaki yang *power over* yang mana wanita lebih senang dan mudah dalam menjalankan tugas bersama subordinatnya dengan pembahagian tugas dengan cekap dan berkesan. Berbanding lelaki yang lebih gemar memberi arahan dan menyelesaikan sendiri sesuatu tugas bersama subordinatnya.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Jaya Parthibhan, bagi wanita di Malaysia yang mengikut adat dan nilai budaya Timur, setinggi mana pun wanita pergi tetap perlu mengikut batasan adat dan nilai budaya yang mengutamakan lelaki sebagai pemimpin kerana ia merupakan identiti masyarakat kita (Temubual Jaya Parthibhan 10 Februari 2015). Kenyataannya disokong oleh Presiden PKR iaitu Wan Azizah yang mengatakan bahawa masyarakat Malaysia lebih membudayakan budaya serta nilai-nilai Timur yang mengutamakan lelaki dalam urusan kepimpinan dan pentadbiran (Temubual Wan Azizah 26 November 2015).

Contoh, Wan Azizah sanggup melepaskan jawatannya sebagai ahli Parlimen Permatang Pauh untuk diserahkan kepada suaminya iaitu Anwar kerana beliau berasa Anwar lebih layak memegang jawatan tersebut atas sebab Anwar lebih berpengalaman dalam urusan pentadbiran dan pernah menjadi ahli parlimen serta mantan Timbalan Perdana Menteri suatu masa dahulu. Maka beliau yakin bahawa masalah rakyat dapat disampaikan dengan lebih baik lagi kepada kerajaan sekiranya Anwar sendiri yang menyampaikannya (Temubual Wan Azizah 26 November 2015).

Seterusnya ialah faktor diskriminasi yang merupakan layanan tidak adil kepada seseorang atau kelompok-kelompok berdasarkan prejudis (sangkaan buruk). Melayan orang secara buruk selalunya disebabkan oleh perbezaan antara kelas, bangsa, gender atau kategori lain bukannya berdasarkan siapa individu tersebut. Diskriminasi merupakan satu amalan yang biasa dijumpai dalam masyarakat dunia. Ia berpunca daripada kecenderungan manusia untuk membeza-bezakan antara satu sama lain. Kajian Rashila (1999) menyatakan

antara halangan-halangan yang dihadapi oleh wanita dalam penglibatan politik ialah faktor gender iaitu wanita terpaksa berhadapan dengan pandangan masyarakat yang kurang yakin dengan kebolehan wanita dalam kepimpinan. Diskriminasi peranan gender yang tidak berpihak pada perempuan telah lama tertanam dalam masyarakat yang berorientasikan lelaki (Feagin & Clairece: 1994).

Menurut Zaleha masyarakat tidak akan mempertikaikan dan mendiskriminasi kemampuan dan kebolehan wakil rakyat mereka sekiranya pemimpin itu tidak mendiskriminasi kaum atau gender (Temubual Zaleha 17 Mac 2015). Sebaliknya, Nik Safiah (2015) menyatakan sekiranya pemimpin wanita ini dilihat tidak matang serta membuat kesilapan dengan cepat masyarakat akan mengatakan mereka tidak mempunyai ciri-ciri kepimpinan (Temubual Nik Safiah 7 April 2015).

Selain diskriminasi, pemimpin wanita juga terpaksa berhadapan dengan isu persepsi masyarakat terhadap kemampuannya sebagai pemimpin. Walaupun masyarakat kini dilihat boleh menerima wanita sebagai pemimpin tetapi mereka perlu bekerja lebih keras lagi dan menunjukkan hasil yang dua kali ganda lebih baik daripada pemimpin lelaki supaya mereka terus mendapat sokongan dari masyarakat. Hasil kerja keras pemimpin wanita yang ditunjukkan akan meningkatkan keyakinan masyarakat mengenai kemampuannya sebagai pemimpin yang baik. Secara tidak langsung dapat mengurangkan stereotaip tanggapan masyarakat yang prejudis dan pesimistik yang mengganggu keyakinan masyarakat kepada kebolehan dan kemampuan wanita sebagai seorang pemimpin.

Sebagaimana menurut kajian Sity (2015) penerimaan masyarakat terhadap keterlibatan politik wanita juga sangat mempengaruhi mobiliti politik mereka. Kajian Rashila (1998) pula menyatakan bahawa pandangan masyarakat kepada calon-calon wanita telah mempengaruhi kedudukan wanita. Wanita terpaksa membuktikan kebolehan mereka sebagai pemimpin kerana keseluruhannya masyarakat kurang berkeyakinan terhadap mereka. Ini amat ketara sekali bagi mereka yang kali pertama bertanding. Situasi ini berubah bagi calon-calon yang bertanding buat kali yang kedua kerana pengundi kawasan telah menyedari bahawa wakil rakyat wanita mempunyai kewibawaan sebagai seorang pemimpin. Kurang

keyakinan terhadap wanita adalah disebabkan oleh persepsi masyarakat bahawa wanita lebih sesuai memainkan peranan sebagai “penyokong”.

Menurut Ng Yen Yen walaupun terdapat persepsi mengenai kemampuan wanita tetapi sekiranya melihat dari sudut pandangan wanita Cina, wanita sendiri sebenarnya yang tidak berminat untuk terlibat dalam politik kerana berasa rendah diri, kurang keyakinan diri dan sebagainya (Temubual Ng Yen Yen 30 Jun 2015). Berbeza pandangan Nik Safiah yang menyatakan bahawa persepsi masyarakat Malaysia walaupun berubah namun masih di tahap lama dan tidak mantap lagi di mana wanita itu tempatnya di rumah dan peranannya sebagai ibu. Walaupun ada wanita yang keluar dari peranannya namun masyarakat lebih meneliti kemampuannya bukan kerana wanita itu seorang pemimpin tetapi kerana jantainya seorang wanita (Temubual Nik Safiah 7 April 2015)

Selain itu, agama juga dilihat sebagai faktor hubungkait kepimpinan dan gender. Seringkali wanita yang ingin bergiat aktif dalam politik dan menjadi seseorang pemimpin akan diingatkan tentang halangan agama yang membataskan pergerakan wanita daripada aktif dan menjadi ketua dalam pelbagai bidang. Agama dijadikan alasan bahawa wanita tidak boleh menjadi seorang pemimpin. Faktor agama juga menjadi penghalang kepada wanita untuk bergiat aktif dalam politik iaitu wanita seringkali ditindas dan tidak diberi peluang menjadi seorang pemimpin kerana dikatakan melanggar hukum agama terutamanya agama Islam. Agama juga kemudiannya dilibatkan untuk menjustifikasi atau mewajarkan tindakan politik di mana wanita tidak menganggap dirinya tidak setaraf dengan lelaki. Kajian Cheah (1984) menyatakan bahawa masyarakat Melayu dibentuk oleh ajaran agama Islam, masyarakat India dipengaruhi kepercayaan Hindu dan masyarakat Cina pula dengan kepercayaan Konfucius. Sepertimana kajian Rashila (1998) pula menyatakan “Wanita tidak boleh jadi pemimpin” ungkapan ini seringkali kedengaran apabila calon-calon wanita bertanding di kawasan yang juga ditandingi oleh parti PAS. Ini disebabkan oleh kerana kebanyakan calon PAS menjadikan agama sebagai alasan bahawa wanita tidak boleh menjadi seorang pemimpin. Ia juga kedengaran apabila tiada isu-isu substantif yang boleh dibahaskan. Ini berlaku terutamanya apabila seorang wanita itu menjadi calon untuk kali yang pertama. Sementara agama lain seperti Hindu pula seringkali wanita diletakkan sebagai golongan kelas kedua.

Menurut Halimah pemilihan beliau sebagai calon pilihan raya adalah keputusan daripada majlis syura, namun berita ini disampaikan oleh suami beliau, setelah mendapat keizinan suami barulah beliau menerima tawaran tersebut. Sebagai isteri beliau terikat dengan suruhan agama yang mentaati suami selagi tidak melanggar hukum dan syariat Islam seperti membuka aurat di khalayak ramai dan meninggalkan solat (Temubual Halimah 21 Oktober 2015).

Faktor ekonomi pula ialah wanita yang menjadi pemimpin mestilah mempunyai asas ekonomi yang kukuh, lazimnya dalam kalangan golongan profesional yang mempunyai sumber pendapatan yang baik juga dilihat memberi kesan kepada hubungkait kepimpinan dan gender. Ini disebabkan oleh faktor ekonomi mempengaruhi sumber kewangan, sumber manusia semasa berkempen dan pendedahan media. Kajian Sity (2005) menyatakan bahawa statistik menunjukkan terdapatnya peningkatan dalam penglibatan wanita dalam sektor politik dan ekonomi Malaysia pada lewat tahun 1980-an

Walau bagaimanapun, cabaran ini paling dirasai oleh calon-calon wanita dari parti yang kecil terutamanya parti pembangkang rata-rata tidak mempunyai sumber kewangan, jentera kempen serta bantuan media yang mencukupi (Rashila 1999). Menurut calon-calon parti pembangkang, perbincangan cuma boleh diadakan di rumah-rumah penyokong sahaja. Adalah menjadi satu kesukaran bagi calon-calon ini memberi pendapat kepada lebih ramai pengundi, terutamanya yang “duduk di atas pagar”. Kekurangan wang dan jentera parti juga menjejaskan pencapaian calon-calon wanita pihak pembangkang. Masalah juga menjadi lebih rumit kerana wujudnya syarat undang-undang yang ketat, umpamanya larangan mengadakan rapat umum. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ng Yen Yen

“Ekonomi yang kukuh dan sumber kewangan yang baik ini sangat penting sekiranya wanita ingin terlibat dalam politik yang banyak membantu rakyat” (Temubual Ng Yen Yen 30 Jun 2015).

Faktor pendidikan pula, bukan sahaja ilmu yang diperolehi secara formal di bangku sekolah, tetapi juga meliputi kemahiran-kemahiran tertentu seperti cara-cara mengendalikan persatuan dan juga pengetahuan asas mengenai isu dan keadaan sekitarnya seperti adat resam dan sebagainya. Seorang pemimpin perlu mempunyai ilmu

pengetahuan yang luas, mendalam, berwawasan, cekap, sentiasa peka mengenai perkembangan dan isu-isu terkini dan berkebolehan dalam memimpin sesebuah organisasi dengan berkesan. Justeru itu walaupun seseorang itu berpendidikan tinggi namun ia bukan tiket mudah untuk menjadi seorang pemimpin kerana mereka akan diuji mengenai kemahiran dan kemampuannya dalam kepimpinan. Bagaimana mereka membuat keputusan akan menggambarkan sama ada pengetahuannya mengenai kepimpinan itu baik atau sebaliknya. Contohnya Ghafar Baba, Ahmad Bashah dan lain-lain. Sebagaimana menurut Sharizat

“Pendidikan secara tidak formal seperti pendedahan, polemik, diskusi dan perbincangan melalui keluarga mengenai politik juga menjadi titik permulaan untuk saya terlibat dalam politik” (Temubual Sharizat 3 Disember 2014).

Mahathir pula menyatakan walaupun wanita ramai berpelajaran tinggi, namun kita tidak boleh menafikan kemampuan seorang lelaki untuk menjadi seorang pemimpin hanya kerana pelajaran mereka tidak setinggi wanita. Kebanyakan lelaki kurang berminat untuk sambung pengajian kerana terpaksa menggalas tanggungjawab menyara keluarga dan sebagainya. Pemilihan pemimpin juga harus mengambilkira dari sudut pengalaman, kemahiran dan kemampuan seseorang bukan bergantung kepada pendidikan tinggi samata-mata (Temubual Mahathir 21 Januari 2015).

Seterusnya faktor sosialisasi yang merupakan suatu proses di mana seseorang individu mempelajari dan menerima nilai, sikap, kemahiran yang dipunyai oleh masyarakat bagi membentuk personalitinya yang tersendiri untuk menjadi ahli masyarakat tersebut. Menurut kajian Noraisah (2012) dominasi lelaki dalam masyarakat telah berhasil menciptakan sistem sosial yang *machois* yang tempang pada wanita.

Faktor-faktor seperti ini telah mengkonstruksi pemikirannya untuk sedar atau terus jumud dalam masyarakat yang semakin membangun dengan segala macam kompleksiti dan perlu pengubahsuaian. Faktor ini juga mempengaruhi cara pandang lalu membentuk norma tertentu dalam masyarakat tersebut. Seringkali kepimpinan akan dinilai mengikut gaya lelaki. Oleh hal yang demikian, wanita sering diandaikan tidak mempunyai kelayakan seperti lelaki untuk menjadi seorang pemimpin. Oleh itu, wanita haruslah bijak mengatur perjalanan politik mereka dan

membuktikan bahawa wanita juga berkebolehan memerintah serta mentadbir negara dengan baik sekali.

Akhirnya ialah faktor persekitaran pula terbahagi kepada tiga bahagian iaitu pengaruh wanita, moral, dan bahasa politik. Pengaruh wanita dalam persatuan adalah tinggi berbanding lelaki. Walaupun peratusan ahli wanita selalunya melebihi 50 peratus, namun perwakilannya dalam pucuk pimpinan Majlis Tertinggi adalah minima. Ini adalah disebabkan oleh kedudukan Pergerakan Wanita United Malays National Organisation (UMNO) yang boleh dianggap sebagai “*auxiliary*” yang dilindungi oleh kaum bapa (Manderson 1981).

Menurut Rosnah wanita sebenarnya mempunyai pengaruh yang kuat kerana bilangan ahli wanita hampir setiap parti adalah sentiasa meningkat dan melebihi lelaki. Tetapi malangnya wanita tidak sedar akan kelemahannya untuk berada di peringkat tertinggi parti adalah bermula di peringkat akar umbi. Wanita tidak peka mengenai pemilihan AJK peringkat cawangan, bahagian dan pusat kerana selesa dengan kedudukan sebagai sayap parti (Temubual Rosnah 21 Disember 2015). Sementara itu, menurut Teresa Kok, Ng Yen Yen telah berjaya memperolehi sokongan dan mempengaruhi wanita dalam pilihanraya 2004, Beliau telah berjaya mempengaruhi undi kaum wanita di kawasan Petaling Jaya Utara bagi memberi sokongan kepada calon BN Chew Mei Fun. Walhal kawasan tersebut adalah kubu kuat DAP. Undi wanita telah menewaskan calon DAP (Temubual Teresa Kok 20 Disember 2014).

Menurut kajian Ashmore (1987) moral pada dasarnya berasal daripada perkataan Latin “*mores*” yang membawa maksud sama seperti etika. Namun, moral merupakan satu perkara yang lebih merujuk kepada tingkah laku. Moral bermaksud kesedaran tingkah laku betul dan salah, apa yang perlu dipatuhi dan ditinggalkan serta bersifat praktikal. Moral juga bermaksud sebagai tingkah laku yang sesuai dengan tatasusila atau peraturan masyarakat setempat di mana masyarakat bertindak sebagai penentu. Pertimbangan moral juga bergantung kepada suasana atau keadaan yang membentuk individu contohnya seperti sistem sosial, kelas sosial dan kepercayaan yang dianuti. Kesedaran moral mempunyai hubung kait dengan hati nurani atau dalam bahasa asing disebut *conscience*, *conscientia*, *gewissen*, *geweten* dan dalam Bahasa Arab disebut *qalb*, *fu’ad*. Kesedaran moral ini

merangkumi tiga perkara iaitu kewajipan untuk melakukan tindakan bermoral, wujud berasaskan rasional dan objektif iaitu sesuatu perbuatan secara umum dapat diterima oleh masyarakat dan ketiga ialah muncul dalam bentuk kebebasan.

Sebagai contoh, dalam kehidupan bermasyarakat, kesedaran moral dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni dan progresif. Hal ini kerana, kesedaran moral yang wujud dalam setiap diri masyarakat dapat memupuk persefahaman, bertimbang rasa, tolong-menolong dan lain-lain nilai yang baik. Perkara ini seterusnya akan membantu dalam melahirkan sebuah negara yang aman dan tenang di mana setiap rakyat akan sentiasa berasa selamat dan sejahtera dengan adanya masyarakat yang mempunyai kesedaran moral yang tinggi. Menurut Chew Mei Fun beliau memang menolak pemimpin yang mempunyai masalah moral kerana ia akan menggambarkan kelemahan pemimpin dan akan menjadi contoh kepada ahli partinya. Isu moral boleh menjejaskan sokongan dan keyakinan rakyat kepada parti. Secara tidak langsung menyebabkan undi kepada parti juga akan merosot (Temubual Chew Mei Fun 11 Mac 2015).

Faktor bahasa politik, merupakan faktor yang memainkan peranan penting dalam menentukan kekuatan seseorang ahli politik. Penguasaan bahasa politik menggambarkan kemahiran seseorang pemimpin sama ada lelaki atau perempuan apabila berhadapan dengan golongan atau bangsa lain. Kemahiran bahasa politik juga perlu ketika berhadapan dengan kumpulan orang yang berbeza, berkepentingan serta berkedudukan. Memahami dan menguasai bahasa politik akan meletakkan seseorang pemimpin itu di kedudukan yang tinggi serta mampu membuat orang yang mendengar terpegun serta terpengaruh dengan kelantangan atau kemahirannya kerana penguasaan mereka dalam berbahasa politik. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Nik Safiah bahasa politik ialah cara bahasa yang digunakan oleh ahli politik. Bahasa politik ialah bahasa yang digunakan oleh ahli politik bagi tujuan politik seperti untuk meraih undi, berkomunikasi dan menyampaikan isu-isu politik (Temubual Nik Safiah 4 Julai 2015).


Contohnya Ng Yen Yen telah berjaya merampas kerusi Parlimen Petaling Jaya Utara yang merupakan kubu kuat DAP, melalui pendekatan kempennya iaitu *basket* yang mampu mempengaruhi undi wanita dikawasan tersebut untuk berpihak kepada BN yang diwakili oleh Chew Mei Fun. Ng Yen Yen

telah menggunakan kemahiran bahasa politiknya untuk memujuk suri rumah dan golongan wanita dengan membangkitkan isu kestabilan politik yang hanya boleh dicapai melalui BN (Temubual Teresa Kok 20 Disember 2014). Selain itu, menurut Nik Safiah, Aishah Ghani juga mempunyai kemahiran berbahasa politik, apabila semasa beliau mengikut Aishah berceramah di kawasan-kawasan kampung, Aishah Ghani telah berjaya mengambil hati dan membuat orang kampung terpegun dengan cara bahasa serta sikapnya yang merendah diri dan mudah didekati apabila beliau menyatakan tertariknya beliau dengan tanaman bunga di kawasan itu serta ingin memilikinya (Temubual Nik Safiah 4 Julai 2015). Faktor-faktor ini mempengaruhi hubungkait antara kepimpinan dan gender dalam penglibatan politik wanita. Kesahan politik wanita boleh dicapai sekiranya mereka mempunyai kedudukan yang berautoriti iaitu sah di sisi undang-undang dan mesti diterima oleh semua pihak. Kajian Weber (1968) melalui teori kepimpinan yang berkonsep autoriti perundangan atau autoriti legal rasional telah menjadi asas yang mendasari kajian kepimpinan wanita ini. Oleh itu, bagi menjamin segala masalah dan isu wanita dapat diperdengar dan diambil peduli kedudukan wanita sebagai pemimpin tertinggi amat penting dan perlu dicapai.

Penglibatan wanita perlu dalam politik kerana dua sebab iaitu sebagai tuntutan keadilan kesaksamaan gender untuk wanita dan membolehkan kepentingan wanita terhadap beberapa isu utama dapat diperdengar serta diambilkira.

Berdasarkan Rajah 2 terdapat sepuluh peringkat dalam hirarki penglibatan politik. Ia menunjukkan tahap penglibatan dalam politik adalah berbeza. Tahap-tahap tersebut menunjukkan tahap maksimum adalah memegang jawatan dalam organisasi politik. Pada tahap ini wanita yang memegang jawatan tertinggi adalah amat sedikit. Contohnya hanya Parti KeAdilan Rakyat (PKR) sahaja yang mempunyai presiden parti adalah seorang wanita iaitu Wan Azizah Wan Ismail, dibarisi barisan kepimpinan yang mempunyai ramai wanita menjawat jawatan tertinggi.

Selain itu, parti MCA dan DAP juga mempunyai seorang Naib Presiden yang terdiri dari seorang wanita. Kemudian tahap ahli aktif dalam organisasi politik, selepas itu tahap ahli aktif quasi/separa organisasi politik, seterusnya tahap terlibat dalam aktiviti politik seperti mesyuarat umum dan



Tidak terlibat langsung dalam politik

RAJAH 2. Hirarki penglibatan politik

Sumber: Rush (1992: 112)

rapat umum, tahap ahli tidak aktif dalam organisasi politik, tahap ahli tidak aktif quasi/separa organisasi politik, tahap terlibat dalam perbincangan politik tidak formal, tahap mempunyai sedikit minat dalam politik dan minimum adalah mengundi. Kebanyakan wanita hanya aktif ketika masa pengundian pemilihan pilihan raya. Mereka akan keluar mengundi beramai-ramai dan menjadi penentu kemenangan kepada undi setiap kawasan.

Penglibatan politik wanita dapat dilihat melalui tahap-tahap tersebut iaitu sejak tahun 1980-2013, wanita yang manjadi ahli Parlimen serta pembuat keputusan yang berada di tahap maksimum adalah masih rendah. Perwakilan wanita sebagai pemimpin tertinggi setiap parti di Malaysia juga dilihat masih sedikit dan tidak banyak perubahan terutama kepada parti UMNO, PAS, MCA, DAP, MIC dan lain-lain.

Sebagaimana menurut Rafidah walaupun terdapat peningkatan keahlian dalam parti UMNO secara umumnya, namun wanita masih lagi jauh ketinggalan dalam keterwakilan dalam parti di peringkat tertinggi (Temubual Rafidah 6 Mac 2015). Mahathir pula menyatakan wanita perlu lebih cekap untuk mendapat sokongan ahli parti dalam pemilihan. Ini kerana kebanyakan ahli jawantankuasa pemilihan dalam parti adalah lelaki dan tampuk kepimpinan tertinggi juga dikuasai oleh lelaki. Oleh itu, wanita mestilah bijak mengatur strategi untuk dipilih sebagai calon dan mendapatkan undi bukan sahaja dari ahli wanita tetapi juga lelaki. Wanita perlu membuktikan dirinya berkemampuan dan cekap dalam memenangi hati para pengundi (Temubual Mahathir 21 Januari 2015).

PERBINCANGAN

Kesedaran gender yang tinggi juga telah memberi ruang untuk wanita mengenalpasti apakah keperluan wanita hari ini. Wanita yang bijak akan merancang perjalanan politik mereka dengan mendapat sokongan dari peringkat akar umbi, cawangan, bahagian hingga ke pusat parti. Dalam hal ini, hanya wanita yang benar-benar cekap mampu meraih undi yang banyak terutama daripada lelaki kerana kebanyakan ketua-ketua di peringkat cawangan, bahagian dan pusat terdiri daripada lelaki. Mereka adalah penentu kepada kedudukan tertinggi bagi calon-calon pilihan untuk berada di barisan kepimpinan tertinggi parti.

Wanita hanya dianggap sebagai kumpulan sokongan pada masa lalu dan tidak berkepentingan. Tetapi hari ini, wanita dilihat lebih bersedia dan peka kepada isu-isu semasa politik, isu-isu antarabangsa dan juga isu-isu nasional. Wanita juga dilihat lebih berhati-hati dalam membangkitkan isu-isu politik. Walaupun terdapat peningkatan setiap tahun keahlian wanita dalam parti-parti politik, namun peluang mereka untuk menjadi perwakilan serta pembuat keputusan masih sedikit. Ini adalah disebabkan oleh masalah struktur parti yang telah dikuasai oleh perwakilan lelaki berbanding wanita. Malah ruang politik juga sangat kondusif bagi kaum lelaki berbanding wanita.

Ruang politik wanita yang terbatas dan anggapan stereotaip masyarakat yang sentiasa mencurigai kemampuan, kebolehan dan kecekapan wanita dalam kepimpinan telah mengkonstruk peranan wanita dalam masyarakat. Kurang pendedahan dan sikap tidak peka kepada masalah gender juga

turut memberi kesan kepada wanita untuk terlibat aktif serta menjawat jawatan penting dalam parti atau pentadbiran negara. Mahathir menyatakan bahawa tidak ada sekatan untuk wanita menjawat jawatan tertinggi dalam parti atau kabinet tetapi wanita perlu lebih cekap untuk merebut jawatan tersebut. Wanita perlu menonjolkan keupayaan dan kebolehan mereka dalam menyelesaikan masalah-masalah politik, secara tidak langsung keupayaan mereka tidak akan dicurigai lagi oleh masyarakat (Temubual Mahathir 21 Januari 2015). Sanusi pula menyatakan bahawa masalah wanita adalah keberanian untuk tampil kerana sebenarnya tidak ada sekatan bagi mereka untuk menonjol, sebagai mantan setiausaha agung UMNO memang tidak ada sebarang peruntukan undang-undang dalam

perlembagaan UMNO yang melarang wanita menjadi ahli jawatankuasa diperingkat cawangan mahupun bahagian. Oleh itu, wanita perlu bijak dan cekap untuk merebut peluang itu (Temubual Sanusi 17 Mei 2016).

Berdasarkan Jadual 1, jumlah kekerapan yang sangat kuat mempengaruhi hubungkait antara kepimpinan dan gender ialah budaya patriaki, diskriminasi, persepsi, agama, pendidikan dan sosialisasi iaitu ($F > 0.8$). Sementara itu, ekonomi dan faktor persekitaran iaitu bahasa politik memberi pengaruh yang kuat dalam hubungkait kepimpinan dan gender iaitu ($F = 0.7$), manakala faktor persekitaran iaitu pengaruh wanita dan moral hanya mempengaruhi sebahagian sahaja iaitu ($F = 0.5$ sederhana).

JADUAL 1: Kompilasi Kekerapan Hubungkait Kepimpinan dan Gender dalam Penglibatan Politik Wanita di Malaysia (1980-2013)

Faktor Hubungkait Kepimpinan Dan gender	Responden															Jumlah *kekerapan (F) (bil /15=)
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	
Budaya patriaki	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	15(1)
Diskriminasi	x	x	x	x	x	x		x	x	x	x	x	x	x	x	15(1)
Pendidikan	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	15(1)
Sosialisasi	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	15(1)
Persepsi	x	x		x	x	x	x	x		x	x	x	x	x	x	14(0.93)
Agama	x	x	x	x	x	x	x	x			x	x	x	x	x	13(0.87)
Ekonomi	x	x	x	x			x	x	x		x	x	x		x	11(0.73)
Persekitaran																
·Pengaruh wanita		x		x	x	x			x				x	x	x	8(0.53)
·Moral	x	x	x					x		x	x		x	x	x	9(0.6)
·Bahasa politik	x		x	x	x	x		x	x		x	x			x	10(0.67)

Hari ini selepas 60 tahun merdeka, kaum wanita masih jauh ketinggalan berbanding kaum lelaki terutamanya dalam kepimpinan politik Malaysia. Kedudukan wanita dari segi pembuat dasar, bilangan calon dalam pilihanraya, kedudukan wanita dalam kepimpinan tertinggi parti dan jawatan-jawatan sebagai ahli kabinet menteri kerajaan Malaysia berakhir dengan satu kesimpulan yang sama iaitu masih wujud ketidaksamarataan antara kaum wanita dengan kaum lelaki.

Walaupun wanita telah menguasai bidang-bidang kritikal seperti perubatan, kejuteraan, kehakiman dan lain-lain serta telah keluar daripada bidang-bidang tradisional seperti perguruan

dan kejururawatan, namun wanita masih jauh ketinggalan dalam peluang menjawat jawatan tertinggi parti dan barisan kabinet menteri di Malaysia. Kaum wanita masih berhadapan dengan persepsi bahawa kaum lelaki lebih *superior* dan diskriminasi terhadap kemampuan kepimpinan kaum wanita masih wujud dalam pemilihan kepimpinan tertinggi parti dan kabinet Malaysia. Kaum wanita dilihat masih sukar bergandingan dengan kaum lelaki untuk 'berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah', sedangkan peranan mereka juga sama penting seperti kaum lelaki dan sumbangan kaum wanita kepada negara juga tidak kurang hebat kaum lelaki.

KESIMPULAN

Pembangunan sesebuah negara itu bukanlah hanya semata-mata merujuk pada pembangunan ekonomi semata-mata tetapi meliputi pembangunan dari segi sosial, sahsiah dan perpaduan ummah. Untuk itu, pembangunan dari unsur-unsur yang melibatkan faktor-faktor sosial memerlukan tindakan dan perjuangan yang lebih berani dari kaum wanita. Sememangnya perbezaan fizikal wanita akan menyebabkan perbezaan tugas dan tanggungjawab dari pandangan umum, tetapi peranan wanita amat besar dalam sama-sama berganding bahu dengan lelaki dalam membantu pembangunan negara. Perwakilan wanita dalam politik dapat menentukan wujud keadaan saksama, peluang yang sama rata dan layanan yang adil antara jantina untuk hidup dan maju sebagai rakan kongsi dalam keluarga dan masyarakat. Oleh itu, wanita perlu berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk memperkasakan representasi wanita terutamanya wanita perlu bijak mengatasi masalah persepsi dan diskriminasi dari masyarakat terhadap kemampuan, kebolehan dan kecekapan wanita dalam kepimpinan.

PENGHARGAAN

Penyelidik ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Keselamatan, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana menyediakan surat kebenaran penyelidikan, institusi yang terlibat iaitu Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Yayasan Kepimpinan Perdana, Kementerian Kerja Raya dan responden kajian ini iaitu Nik Safiah Karim, Ng Yen Yen, Mahathir Mohammad, Rafidah Aziz, Sharizat Abd Jalil, Zaleha Ismail, Wan Azizah Wan Ismail, Jaya Parthiban, Rosnah Shirlin Abdul Rashid dan Teresa Kok kerana sudi meluangkan masa untuk ditemubual.

RUJUKAN

Aminudin Mohd Yusof & Mohd Ali Kamarudin. 1998. *Kepimpinan Pemuda UMNO*. Bangi: Penerbit UKM.

Ashmore, R. B. 1987. *Building A Moral system*. Hall: Prentice.

Bradley, H. 1992. Changing social structures: class & gender. Dlm. *Formation of Modern Society*, disunting oleh Stuart Hall & Brem Gieben. Cambridge: Polity Press.

Brunner, C. C., & Schumaker, P. 1998. Power and gender in the "new view" public schools. *Policy Studies Journal* 26(1): 30-45.

Business Insider. 2014. *Why Women Are More Effective Leaders Than Men*. Available at <http://www.businessinsider.com/study-women-are-better-leaders-2014-1>. Retrieved on: 20 June 2016.

Cheah See Kian. 1984. *Perubahan Aliran Pemikiran Politik Orang Cina di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit S K Cheah.

Chlwiniak, L. 1997. *Higher education leadership: Analyzing the gender gap (ASHE-ERIC Higher Education. Report Vol. 25, No. 4)*. Washington, DC. US: Government Printing Office

de Pablos, P. & Tennyson, R.D. 2017. *Handbook of Research on Human Resources Strategies for the New Millennial Workforce*. USA: IGI Global.

Eagly, A. H., Makhijani, M. G., & Klonsky, B. G. 1992. Gender and the evaluation of leaders: A meta-analysis. *Psychological Bulletin* 111: 3-22

Eagly, A. H. 2013. *Gender and Work: Challenging Conventional Wisdom*. Massachusetts: Harvard Business School.

Ehrenreich, B. & English, D. 1979. *For Her Own Good: 150 Years of the Experts' Advice to Women*. United Kingdom: Pluto Press

Feagin, J.R. & Clairece, B.F. 1994. *Social Problems: A Critical Power-Conflict Perspective*. 4th edition. Prentice Hall: Englewood Cliffs NJ

Hanapiah Dollah. 1995. *Za'ba sebagai feminis: wanita Melayu dalam dunia lelakinya*. Dlm. *100 Tahun Za'ba: Za'ba Pejuang Bangsa*, disunting oleh Wan Abdul Kadir. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Manderson, L. 1981. *Wanita politik dan Perubahan. Terjemahan Samsudin Jaapar*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.: Petaling Jaya.

Noraisah Yusop. 2012. Satu tinjauan atas persoalan gender di Malaysia. Dlm. *Wacana Baru Politik Malaysia: Perspektif Ruang Awam, Budaya Dan Institusi*, disunting oleh Haris Zuan & Rizal Hamdan. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.

Gilmore, David D. 1990. *Manhood in the Making: Cultural Concepts of Masculinity*. New York: Yale University Press.

Philips, Anne. 1992. Classing the women and gendering the class. Dlm. *Defining Women*, disunting oleh I. Mcdowell & R. Pringle. Cambridge: Polity Press.

- Phillips, A., sunt. 1998. *Feminism and Politics Oxford Readings in Feminism*. New York: Oxford University Press.
- Ragins, B. R. 1991. Gender effects in subordinate evaluations of leaders: Real or artifact? *Journal of Organizational Behavior* 12: 259–268.
- Rashila Ramli. 1998. Pembangunan politik dan gender: cabaran dan strategi bagi calon-calon wanita. Dlm. *Gender, Budaya dan Masyarakat*, disunting oleh Rokiah Talib & Shanthi Thambiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rashila Ramli. 1999. Gender dan politik: satu penelitian teoretis dan empiris. Dlm. *Teori Sains Politik Pilihan: Aplikasinya Dalam Konteks Malaysia*, disunting oleh Ghazali Mayudin. Jabatan Sains Politik, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rashila Ramli & Saliha Hassan. 2010. Wanita dan pembangunan politik di Malaysia: Alaf baru, politik baru. Dlm. *Himpunan Makalah Wanita dan Pembangunan di Malaysia: Satu Kesinambungan Menyusuli Perubahan Selama Empat Dekad*. Kuala Lumpur: MPH Group Printing (M) Sdn Bhd.
- Rush, M. 1992. *Politics and Society: An Introduction to Political Sociology*. London: Harvester Wheatsheaf.
- Shorter, E. 1976. *Making of the Modern Family*. London: Collins.
- Sity Daud. 2005. *Politik dan Keselamatan*, disunting oleh Sity Daud dan Zarina Othman. Bangi: Penerbit UKM.
- Sity Daud. 2015. Adakah pemimpin wanita sekadar pelacur politik atau gerakan pemikir? Dlm. *Malaysian Digest.com*. Nur Lina Mastura (pnyt.). Tarikh akses: 20 Mac 2015.
- Underdahl, S. C. Paustian, W., Slattery, L., & Woehr, D. J. 2014. Gender and perceptions of leadership effectiveness: A meta-analysis of contextual moderators. *Journal of Applied Psychology* 99(6): 1129–1145.
- Weber, M. 1968. *On Charisma and Institution Building*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Nor Rafidah Saidon (corresponding author)
 Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Keselamatan
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Bangi
 43600 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail: adeif_07@yahoo.com
- Sity Daud
 Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Keselamatan
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Bangi
 43600 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail: sitydaud@ukm.edu.my
- Mohd Samsudin
 Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Keselamatan
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Bangi
 43600 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail: mohd@ukm.edu.my
- Received: 22 August 2016
 Accepted: 7 October 2017